

NO. SOALAN : 294

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING

RUJUKAN : 9496

SOALAN :

Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan Kematian dalam tahanan setiap tahun sejak 2010 dan bilangan pegawai polis yang telah dikenakan tindakan disiplin atas kes-kes kematian di bawah tahanan polis.

JAWAPAN:

Kementerian Dalam Negeri (KDN) sentiasa memandang serius kes yang melibatkan kematian orang kena tahan (OKT) dalam tahanan pihak polis. Siasatan secara menyeluruh akan dijalankan dan tidak akan berkompromi terhadap mana-mana pegawai dan anggota polis yang menggunakan kekerasan yang menyebabkan kematian kepada tahanan. Jika terdapat unsur kekerasan atau kecuaiian, tindakan mendakwa di mahkamah atau tindakan tatatertib akan dikenakan kepada pegawai dan anggota polis yang bertanggungjawab diatas kematian tersebut.

Statistik kematian dalam tahanan polis mengikut sebab kematian sejak tahun 2010 sehingga September 2016 adalah seperti berikut:-

BIL	PUNCA KEMATIAN	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	JUMLAH
1	HIV	0	0	0	1	1	0	0	2
2	SAKIT ASMA	0	0	0	0	0	1	0	1
3	SAKIT JANTUNG	3	1	2	1	2	1	0	10
4	LAIN-LAIN PENYAKIT (USUS,HATI,KUNING, ULSER,PARU-PARU, KERONGKONG)	5	15	13	15	15	10	2	75
5	PENDARAHAN DI OTAK	0	0	0	0	0	0	0	0
6	GANTUNG DIRI	1	1	4	2	0	0	1	9
7	GADUH SESAMA OKT	0	0	0	0	0	0	0	0
8	DICEDERAKAN POLIS	0	0	0	1	0	0	0	1
	JUMLAH	9	17	19	20	18	12	3	98

Sepanjang tempoh 2010 sehingga September 2016, hanya satu kes yang melibatkan anggota polis diambil tindakan kerana menyebabkan kematian dalam tahanan yang berlaku di Lokap Jabatan Siasatan Jenayah, Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur pada 21 Mei 2013. Tertuduh telah dibebaskan oleh Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN**MESYUARAT KETIGA, DEWAN RAKYAT****PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KETIGA BELAS****MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING [KULAI]

TARIKH : 17 OKTOBER 2016 (ISNIN)

SOALAN :

PUANTEO NIE CHING [KULAI] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapa orang yang telah disiasat di bawah seksyen 31 Akta Kanak-Kanak dan antara mereka yang disiasat, berapa telah didakwa dan dijatuhkan hukuman.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT**

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan statistik Polis DiRaja Malaysia (PDRM), bilangan mereka yang disiasat di bawah Seksyen 31 Akta Kanak-Kanak 2001, yang telah dilaporkan kepada PDRM sehingga Jun 2016 adalah sebanyak 183 kes. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 44 kes telah didakwa dan 8 kes telah dijatuhkan hukuman. Individu yang melakukan kesalahan di bawah peruntukan ini, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit (RM20,000) atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh (10) tahun atau kedua-duanya.

Tuan Yang Dipertua,

Di bawah Akta Kanak-Kanak (Pindaan 2016), hukuman terhadap individu yang melakukan di bawah Seksyen 31 turut dinaikkan. Hukuman bagi tempoh pemenjaraan telah dinaikkan dari sepuluh (10) tahun kepada dua puluh (20) tahun dan denda dinaikkan daripada dua puluh ribu ringgit (RM20,000) kepada lima puluh ribu ringgit (RM50,000). Selain itu pesalah

juga dikenakan hukuman Perintah Khidmat Masyarakat sebagai hukuman mandatori.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : PUAN TEO NIE CHING [KULAI]
DARIPADA**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan sama ada pelajar bukan dari SMPC boleh menduduki pemeriksaan UEC.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Peperiksaan *Unified Examination Certificate* (UEC) merupakan peperiksaan yang dilaksanakan di Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC). UEC ialah peperiksaan yang dikendalikan oleh badan persendirian menerusi jawatankuasanya yang terdiri daripada Gabungan Kesatuan Pengelola Sekolah Cina Malaysia, Gabungan Kesatuan Guru Sekolah Cina dan Kesatuan Alumni Sekolah Cina. SMPC dan UEC tidak dikawal selia oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Sehubungan dengan itu, pendirian KPM adalah jelas bahawa semua sistem pendidikan yang hendak dilaksanakan di negara ini perlu berlandaskan Dasar Pendidikan Kebangsaan seperti yang diperuntukkan

di bawah Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]. Dalam hal ini, UEC didapati tidak akur terhadap kehendak Dasar Pendidikan Kebangsaan seperti yang diperuntukkan di bawah akta tersebut.

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN WONG SZE PHIN @
JIMMY
[KOTA KINABALU]**

SOALAN : 297

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan status terkini, peruntukan dan kos (pembaikan, naik taraf dan penyenggaraan) setiap tahun dari 2010-2015 bagi semua empangan (termasuk dalam perancangan dan loji rawatan air (LRA) di Sabah. Nyatakan rancangan Kementerian dalam menyediakan bekalan air bersih luar bandar di Sabah.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian tidak mempunyai sebarang peruntukan serta kos pembaikan dan penyenggaraan bagi setiap empangan (termasuk dalam perancangan) dan loji rawatan air (LRA) di Sabah kerana ianya adalah di luar skop program Bekalan Air Luar Bandar (BALB). Walaubagaimanapun, kos dan peruntukan naik taraf loji sedia ada diperuntukan di bawah skop BALB.

Status terkini kos dan peruntukan naik taraf yang diperuntukan oleh Kerajaan di bawah skop BALB sepanjang dari tahun 2010-2015 adalah seperti berikut:

Tahun	Bil. Projek	Kos Projek (RM juta)	Status Pelaksanaan	
			Dalam Pembinaan	Siap Sepenuhnya
2011	2	49.28	-	2
2015	1	37.73	1	-

Pihak Kementerian akan meneruskan pelaksanaan projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) bagi

membantu masyarakat luar bandar di seluruh negara untuk menikmati kemudahan bekalan air bersih dan terawat yang sempurna. Pelaksanaan projek bekalan air luar bandar ini akan diteruskan dan diselaraskan dengan senarai pelaksanaan projek yang dicadangkan untuk pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-Sebelas (RMKe-11).

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB. TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY
KAWASAN : KOTA KINABALU

SOALAN:

YB. TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status terkini, peruntukan dan kos (pembinaan dan pembaikan) Lebuh Raya Pan Borneo, Lebuh Raya Persisiran Tuaran –Kudat, Jalan Persisiran (Kg Ice Box - Batu 4 Jalan Apas), Jalan Kalabakan – Sapulut, Jalan Penampang - Papar dan KM27 Jalan Apas (Tawau – Semporna) dan lain-lain jalan raya.

JAWAPAN:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, status pelaksanaan projek-projek berkenaan ialah seperti berikut:

• **Lebuh Raya Pan Borneo Sabah:**

Pelaksanaan projek Lebuh Raya Pan Borneo (Fasa 1) Negeri Sabah telah dibahagikan kepada 35 pakej. Keseluruhan pakej terlibat itu dirancang akan siap pada akhir tahun 2021.

Pada masa kini 2 projek 'kick-off' telah dimulakan, iaitu dari **Dongongon ke Papar** (11km; kemajuan semasa: 6%) dan **Tawau ke Semporna** (5km; kemajuan semasa: 3%). Manakala pakej-pakej lain fasa pertama Lebuh Raya Pan Borneo Sabah sedang melalui proses Makmal Pengurusan Nilai dan dijangka akan ditender secara

berperingkat mulai akhir tahun ini. Ini tidak termasuk satu pakej projek 'kick off' lain iaitu membina Jalan Pintasan Lahad Datu yang telah baru sahaja diawad pada 10 Oktober 2016 dan ia akan memulakan pembinaan pada bulan Disember 2016.

- **Jalan Persisiran Pantai Tuaran - Kudat:**

Jalan Pesisiran Tuaran – Kudat ialah sebahagian daripada skop Lebuh Raya Pan Borneo Sabah. Jajaran Jalan Persisiran Tuaran – Kudat telah melalui proses Makmal Pengurusan Nilai pada bulan September 2016 lalu. Berdasarkan makmal tersebut, ia akan melalui Tuaran – Kota Belud – Kota Marudu – Rampayan Laut – Sarang – Temunoi – Bingolon – Simpang Mengayau di Kudat sepanjang 123.5km. Fasa pembinaan dirancang akan dimulakan mulai bulan Mei 2017, iaitu setelah proses reka bentuk terperinci disiapkan oleh pihak juru perunding. Manakala tempoh siap keseluruhan projek ini pula ialah selama 36 bulan.

- **Jalan Persisiran Tawau:**

Projek Jalan Persisiran Tawau telah dimohon untuk kelulusan peruntukan RMKe-11 daripada Agensi Pusat.

- **Jalan Kalabakan – Sapulut:**

Laluan Jalan Kalabakan – Sapulut dirancang akan dinaik taraf sebagai sebahagian daripada skop fasa 3 Lebuh Raya Pan Borneo Sabah dari Tawau – Keningau – Kumanis yang akan dilaksanakan pada masa hadapan.

Sekian. Terima kasih.